



TEKS
KHUTBAH
NEGERI PAHANG
SIRI 03/2024



KELEBIHAN RAMADAN
04 Ramadan 1445H / 15 Mac 2024

الْحَمْدُ لِلَّهِ نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ. وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا وَمِنْ سَيِّئَاتِ

أَعْمَالِنَا. مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ وَمَنْ يَضِلَّ فَلَا هَادِيَ لَهُ.

وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ،

فِيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ وَأَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Marilah kita bersama-sama bertakwa kepada Allah Subhanahu wa Taala dengan sebenar-benar takwa, iaitu dengan melaksanakan segala perintah dan seruan-Nya serta meninggalkan segala larangan-Nya kerana dengan takwa sahajalah kita akan mendapat reda Allah Subhanahu wa Taala di dunia dan akhirat.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa-Taala

Kita bersyukur kerana Allah Subhanahu wa Taala telah memperkenankan doa agar kita sempat berada dalam bulan Ramadan. Bulan yang penuh dengan keberkatan kerana telah difardhukan kepada



umat Islam ibadah puasa. Firman Allah Subhanahu wa Ta'ala dalam surah al-Baqarah ayat 183:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا كُتِبَ عَلَيْكُمُ الصِّيَامُ كَمَا كُتِبَ عَلَى الَّذِينَ مِن قَبْلِكُمْ لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ

Yang bermaksud: *“Wahai orang yang beriman, diwajibkan atas kamu berpuasa sebagaimana diwajibkan atas orang sebelum kamu agar kamu bertakwa”*

Sesungguhnya nikmat besar daripada ibadat puasa ini ialah kita menjadi orang yang bertakwa. Sifat takwa iaitu rasa takut kepada Allah menjadikan kita terus berpuasa dengan penuh kesabaran dan tidak ada tujuan lain melainkan hanya untuk mencari pahala dan redha Allah Subhanahu wa Taala. Pada masa yang sama ibadat puasa juga mendidik hati kita untuk ikhlas dalam beribadat kerana satu-satunya ibadat yang paling ikhlas kita laksanakan kerana Allah adalah puasa. Oleh kerana semua orang berpuasa maka tiada peluang menunjuk-nunjuk ketika berpuasa dan bangga diri. Semoga kita semua mendapat ganjaran yang besar daripada ibadat puasa yang dilaksanakan dengan penuh keikhlasan kerana Allah Subhanahu wa Ta'ala. Sebagaimana sabda Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam dalam hadis riwayat Imam al-Tabrani:

اللَّهُمَّ سَلِّمْ لِي رَمَضَانَ، وَسَلِّمْ رَمَضَانَ لِي، وَتَسَلَّمْهُ مِنِّي مُتَقَبَّلًا



Yang bermaksud: *“Ya Allah, sejahterakanlah aku hingga Ramadan, sejahterakanlah Ramadan bagiku, dan terimalah amalanku pada bulan ini.”*

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa Ta’ala,

Antara kelebihan bulan Ramadan adalah bulan pengampunan daripada Allah Subhanahu wa Taala. Apabila kita berpuasa dengan penuh keimanan dan mengharap ganjaran daripada Allah Subhanahu wa Taala kita berpeluang mendapat keampunan-Nya. Nabi Sallallahu ‘Alaihi Wasallam bersabda dalam hadis riwayat Imam Muslim,

مَنْ صَامَ رَمَضَانَ إِيمَانًا وَاحْتِسَابًا غُفِرَ لَهُ مَا تَقَدَّمَ مِنْ ذَنْبِهِ

Yang bermaksud: *“Sesiapa yang berpuasa di bulan Ramadhan dengan penuh keimanan dan pengharapan, maka akan diampunkan dosanya yang telah lalu.”*

Pintu syurga pula dibuka seluas-luasnya dan ditutup pintu neraka serapat-rapatnya sepertimana yang diterangkan di dalam hadis yang diriwayatkan Imam Muslim:

Yang bermaksud: *“Tatkala datang bulan Ramadan, maka akan dibuka pintu-pintu syurga, akan ditutuplah pintu-pintu neraka dan syaitan-syaitan akan dirantai.”*



Bagi memperolehi semua kelebihan ini hendaklah kita berusaha melaksanakan ibadat puasa dengan cara yang terbaik. Imam al-Ghazali berkata:

“Orang yang berpuasa hendaklah menundukkan pandangan daripada melakukan kemaksiatan dan tidak melihat kepada perkara yang membalikkan hatinya daripada Allah Subhanahu wa Taala. Menjaga percakapan daripada bercakap perkara yang sia-sia, berbohong, mengumpat dan mencela, menjaga pendengaran daripada perkara yang dilarang. Ini kerana bagi setiap perkara yang haram diucapkan maka haram juga didengar. Menjaga panca indera daripada melakukan dosa dan maksiat.”

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa Ta 'ala,

Pada bulan Ramadan ini ambillah peluang untuk memperbanyakkan bacaan al-Quran, zikrullah dan berdoa. Berusahalah untuk mendirikan solat berjemaah lima waktu di masjid. Antara kesilapan yang dilakukan oleh sebahagian kita ialah mengabaikan solat maghrib berjemaah di masjid kerana sibuk menghabiskan masa untuk berbuka puasa.

Ibadat paling utama dalam bulan Ramadan selepas puasa ialah solat sunat tarawih, Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam bersabda dalam hadis riwayat Imam al-Bukhari



Yang bermaksud: “*Sesiapa yang mendirikan solat tarawih kerana keimanan dan mengharapkan redha daripada Allah Subhanahu wa Taala, akan diampuni dosanya yang telah lalu*”.

Marilah kita mendirikan solat tarawih dengan sebaik-baiknya iaitu solat berjemaah di masjid sebanyak dua puluh rakaat sebagaimana mazhab Imam Syafie dan mazhab empat yang lain dengan berusaha menyempurnakannya bersama Imam. Orang yang solat tarawih dan solat witr berjemaah bersama Imam akan mendapat pahala seumpama mendirikan solat keseluruhan malam sebagaimana sabda Rasulullah Sallallahu ‘Alaihi Wasallam yang diriwayatkan Imam Tirmizi yang bermaksud:

“Sesiapa yang mendirikan solat tarawih bersama imam sehingga imam selesai, dituliskan baginya ganjaran seumpama orang bersolat sepanjang malam.

Firman Allah Subhanahu wa Taala dalam Surah al-Muzzammil ayat 1 hingga 3:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

يَا أَيُّهَا الْمَرْمَلُ ۝ ١ قُمْ الْبَلِّ إِلا قَلِيلاً ۝ ٢

نَصْفَهُ ۝ أَوْ أَنْقُصْ مِنْهُ قَلِيلاً ۝ ٣



بَارِكْ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعِنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ
الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلْ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ
لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، اللَّهُ الْعَظِيمِ
فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ